

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@tabh.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

PROGRAM EHSAN TH MEMANFAATKAN LEBIH 1,900 ASNAF

PULAU PINANG, Rabu, 7 Jun 2017: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyumbang **RM95,000** kepada **190** orang asnaf fakir miskin di bawah program tanggungjawab sosial korporat tahunannya, Program Ehsan **TH**; di Dewan Mutiara **TH** Hotel, Penang.

Tahun ini, Program Ehsan **TH** mensasarkan sumbangan sebanyak **RM970,500.00** kepada seramai **1,941** asnaf fakir dan miskin di seluruh negara. Sumbangan zakat di negeri ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Adi Azuan Abdul Ghani, Ketua Pegawai Operasi **TH**, kepada penerima sumbangan zakat Program Ehsan **TH** yang terdiri daripada warga emas, ibu dan bapa tunggal serta orang kelainan upaya (OKU) yang miskin tegar.

"Program Ehsan yang kita adakan hari ini adalah salah satu dari program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) **TH** bersempena bulan Ramadhan, bertujuan untuk membantu ibu dan bapa tunggal, warga emas dan orang kurang upaya daripada golongan asnaf fakir miskin di seluruh negara. Program ini merupakan platform terbaik buat **TH** mendekati para penerima, selain mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dengan komuniti setempat," kata YBhg. Dato' Adi Azuan Abdul Ghani.

Selaras dengan matlamat tanggungjawab sosial korporatnya, **TH** sentiasa komited dalam memainkan peranan dan menggalas tanggungjawabnya dengan baik. Selain Program Ehsan, **TH** turut sedang melaksanakan Program Ziarah Kasih Ramadan Al Mubarak 2017 yang dikendalikan Yayasan **TH** di 50 lokasi seluruh negara bersempena bulan Ramadan tahun ini. Program-program seumpama ini

jelas memperlihatkan keprihatinan **TH** terhadap keperluan masyarakat Islam setempat khususnya golongan asnaf.

Majlis ini turut dihadiri oleh para pegawai **TH** serta keluarga penerima.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.